



GARIS PANDUAN PERMOHONAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

- A.** Semua pemohon **WAJIB** mengambil dan menyediakan tindakan seperti berikut:
- i) Melengkapkan Borang Maklumat Pendaftaran dengan mengimbas **QR Code** yang disediakan.
 - ii) **Memuat turun dan mencetak borang permohonan** untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran Port Dickson dan dihantar ke Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia seperti alamat di **para B (iv)**.

B. CARA MEMOHON

- i) **Permohonan untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran Port Dickson** boleh dimuat turun selepas melengkapkan Maklumat Pendaftaran di **Google Form** dan **satu (1)** borang adalah terhad untuk **satu (1)** jawatan sahaja.
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan daripada **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)** seperti berikut:
 - a. Gambar warna berukuran pasport;
 - b. My Kad/Kad Pengenalan (*telah dipalng 'untuk kegunaan MPPD sahaja'*);
 - c. Sijil Kelahiran;
 - d. Sijil Berhenti Sekolah;
 - e. Sijil-Sijil Persekolahan/Akademik;
 - f. Sijil-Sijil yang berkaitan dengan bidang.
 - g. salinan pengiktirafan kelayakan IPTA/IPTS untuk perkhidmatan awam. (www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm)
- iii) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Prestasi Tahun 2022 (perlu diakui sah oleh Ketua Jabatan di setiap helaian)**.
- iv) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
KM 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson.
(u.p.: Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

C. Tarikh akhir tutup dan penghantaran borang **permohonan untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran Port Dickson** adalah pada **11 April 2023 (Selasa) jam 5.00 petang**. Sebarang penghantaran borang selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

D. **PERMOHONAN SEPERTI BERIKUT AKAN DITOLAK :**

- i) Borang permohonan dan maklumat tidak lengkap atau tidak jelas;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah seperti para (ii); dan
- iv) **Tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.**

E. **Catatan Am (PENTING-SILA AMBIL PERHATIAN)**

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian kecergasan / ujian bertulis dan temu duga melalui surat panggilan *email* atau khidmat pesanan ringkas (*mysms*).
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya (tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson).
- iii) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.